

**KAJIAN GERAKAN DALAM ZIKIR TAREKAT
SYADZILİYAH DI SUNGAI PETANI, KEDAH
MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

OTHMAN BIN NASIR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**KAJIAN GERAKAN DALAM ZIKIR TAREKAT
SYADZILİYAH DI SUNGAI PETANI, KEDAH
MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

oleh

OTHMAN BIN NASIR

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

April 2022

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan izin-Nya, telah memberi petunjuk, ilham serta kekuatan kepada saya bagi menyempurnakan tesis sarjana saya ini dengan jayanya. Ucapan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia utama yang juga mentor saya, Prof. Madya Dr. Mohd Nizam Bin Sahad dan penyelia bersama yang dikasihi Dr Mohammad Amir Bin Wan Harun yang sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar secara terus kepada saya bagi menyempurnakan tesis ini. Galakan yang dicurahkan dapat memberikan suntikan semangat kepada saya untuk menumpu perhatian sepenuhnya kepada kerja tesis ini agar ianya dapat dikendalikan dengan sempurna. Begitu juga kepada staf-staf Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang memberi bantuan sehingga tesis ini berjaya disempurnakan, serta tidak lupa juga kepada isteri tercinta Atikah Binti Ahmad yang sentiasa memberi galakan dan kata-kata yang positif dalam proses menyiapkan tesis ini. Galakan dan semangat yang diberikan kepada saya amat bermakna. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan juga diberikan kepada ayahanda, Nasir bin Othman dan bonda, Zahidah Binti Saleh yang tidak jemu memberikan sokongan, dorongan dan kerjasama bagi membantu pengkaji menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada adik-beradik yang turut memberikan sokongan secara langsung dan tidak langsung kepada pengkaji. Semoga Allah merahmati mereka. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada guru-guru, rakan-rakan dan sahabat handai yang memberikan semangat dan galakan agar pengkaji dapat menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
PANDUAN TRANSLITERASI	vii
SENARAI SINGKATAN	viii
SENARAI LAMPIRAN	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xi
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian.....	4
1.3 Sorotan Literatur	8
1.4 Skop dan Limitasi Kajian.....	11
1.5 Objektif Kajian.....	15
1.6 Kepentingan Kajian	15
1.7 Metodologi Kajian	15
1.7.1 Metode Pengumpulan Data.....	16
1.7.1(a) Kaedah Kajian Kepustakaan	17
1.7.1(b) Kaedah Kajian Lapangan	18
1.7.1(c) Metode Temu Bual.....	18
1.7.2 Metode Analisis Data.....	20
1.7.2(a) Kaedah Induktif.....	20
1.7.2(b) Kaedah Deduktif	20
BAB 2 KONSEP GERAKAN DALAM ZIKIR MENURUT PERSPEKTIF PEMIKIRAN ISLAM	22
2.1 Pengenalan	22
2.2 Pengertian Zikir	22

2.2.1	Dari Sudut Bahasa.....	22
2.2.2	Dari Sudut Istilah	23
2.2.3	Konsep Zikir dari Pandangan Ulama Tafsir	23
2.3	Gerakan dalam Zikir	25
2.3.1	Gerakan dalam zikir menurut pandangan Ulama Tasawuf.....	26
2.3.2	Gerakan dalam Zikir Menurut Pandangan Ulama Fiqh.....	27
2.4	Pembahagian Zikir Menurut Pemikir Islam.....	28
2.4.1	Al-Razi	28
2.4.2	Sayyid Sabiq	28
2.5	Pandangan Ulama Tasawuf tentang Zikir	29
2.6	Adab-Adab Berzikir.....	29
2.6.1	Adab-Adab Sebelum Berzikir.....	30
2.7	Rumusan	34
BAB 3 SEJARAH PERKEMBANGAN TAREKAT SYADZILİYAH		35
3.1	Pendahuluan.....	35
3.2	Pengertian Tarekat	35
3.2.1	Dari sudut bahasa	35
3.2.2	Dari sudut istilah	38
3.3	Sejarah kehidupan pengasas Tarekat Syadziliyah	39
3.3.1	Latar belakang pendidikan Abu al-Hasan al-Syadzili.....	39
3.3.2	Karya-karya Abul Hasan al-Syadzili	42
3.3.3	Amalan-Amalan Hizb	43
3.3.4	Pemikiran Abu al-Hasan al-Syadzili.....	46
3.3.5	Pengikut Tarekat Syadziliyah	47
3.4	Sejarah Perkembangan Tarekat Syadziliyah di Malaysia	49
3.4.1	Tokku Pulau Manis	49
3.4.2	Negeri Sembilan.....	51

3.4.3	Melaka.....	52
3.4.4	Selangor	53
3.4.5	Johor.....	53
3.4.6	Kedah	54
3.5	Pengikut- pengikut Tarekat Syadziliyah di Kedah	55
3.5.1	Informan pertama	55
3.5.2	Informan kedua	56
3.5.3	Informan ketiga	56
3.5.4	Informan keempat	57
3.5.5	Informan kelima	58
3.6	Profil tokoh Sufi di Kedah	58
3.6.1	Tok Shafie	59
3.6.2	Pak Su Mid Bukit Tembaga.....	60
3.6.3	Tuan Guru Haji Hashim Pondok Pasir Tumbuh	61
3.6.4	Tokku Pulau Manis	62
3.7	Silsilah sanad Tarekat Syadziliyah	63
3.8	Pengaruh dan Cabang-cabang Tarekat Syadziliyah.....	64
3.9	Pengaruh Kitab <i>Al-Hikam</i> karya Ibn Ata'illah Al-Sakandari	64
3.10	Rumusan	67
BAB 4 ANALISIS GERAKAN DALAM ZIKIR TAREKAT SYADZILIAH DARI PERSPEKTIF PEMIKIRAN ISLAM		
4.1	Pendahuluan	68
4.2	Dapatan observasi	68
4.3	Sebelum Gerakan Dalam Zikir Dilakukan.....	69
4.3.1	Permulaan Gerakan Dalam Zikir	69
4.3.2	Pertengahan Gerakan Dalam Zikir.....	70
4.3.3	Pengakhiran Gerakan Dalam Zikir	70
4.4	Dapatan Analisis Gerakan Dalam Zikir <i>Fi'liyyah</i> (Perbuatan):.....	71

4.4.1	<i>Tamayul</i> (Bergoyang badan).....	71
4.4.2	Pandangan yang mengharuskan.....	71
4.4.3	Pendapat Mengharamkan Zikir Menari	75
4.5	Perbincangan.....	78
4.6	Dapatan Kajian Temu Bual.....	80
4.7	Kesimpulan	95
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN.....		99
5.1	Pendahuluan.....	99
5.2	Rumusan	99
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan.....	100
RUJUKAN		102
LAMPIRAN		

PANDUAN TRANSLITERASI

Dalam mengeja perkataan-perkataan Arab dalam ejaan rumi, transliterasi berikut digunakan:

1. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sy	ل	l
ث	th	ص	ṣ	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	و	w
خ	kh	ظ	ẓ	ه	h
د	D	ع	‘	ء	’
ذ	dh	غ	gh	ي	y
ر	R	ف	f	ة	h

2. Vokal

PENDEK			PANJANG			DIFTONG	
ا	_____	a	آ	_____	ā	اى	ay
ى	_____	i	اى	_____	ī	او	aw
و	_____	u	او	_____	ū	ؤ	uw
						ى	y/i

SENARAI SINGKATAN

Dr	Doktor
H	Halaman
H.R	Hadith Riwayat
Hizb	Doa- doa zikir
Ibid	Ibidem (rujukan sama seperti sebelum)
JAIP	Jabatan Agama Islam Pahang
Maqam	Peringkat
Matba'ah	Cetakan
Prof	Profesor
R. HA	Radiyallahu 'anhu
SAW	Shallallahu 'alaihi wa Sallam
SWT	Subhanahu Wa Ta'ala
t.t	tanpa tahun
Terj.	Terjemahan
Turath	Kitab Jawi Lama
UniShams	Universiti Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
USM	Universiti Sains Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Madrasah Al Ahmadiyah As-Solehiyah (Pondok Pak The Mad)
Lampiran B	Ad Dirasah Ad Diniyah As-Salamiah (Pusat Pengajian Ilmu-Ilmu Islam (Sistem Pondok)
Lampiran C	Maktab Mahmud Padang Terap
Lampiran D	Soalan Temu Bual Responden
Lampiran E	Perbualan Temu Bual Bersama Informan

**KAJIAN GERAKAN DALAM ZIKIR TAREKAT SYADZILIJAH DI
SUNGAI PETANI, KEDAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

ABSTRAK

Kajian dan penyelidikan berkenaan gerakan dalam zikir terhadap tarekat sentiasa dikaitkan dengan Tarekat Sufi. Hal ini seringkali menjadi persoalan dalam kalangan umat Islam sama ada ia dibenarkan atau sebaliknya. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji persoalan konsep gerakan dalam zikir dalam Tarekat Syadziliyah. Skop lokasi kajian adalah di Sungai Petani, Kedah, yang mana terdapat lima orang informan yang telah ditemu bual bagi mendapatkan dapatan kajian. Metodologi penyelidikan ini adalah berbentuk analisis terhadap gerakan dalam zikir Tarekat Syadziliyah di Kedah yang dilihat dari segi sudut akidah dan hukum. Untuk memperoleh hasrat tersebut, dua kaedah pengumpulan data diaplikasikan, iaitu kajian kepustakaan serta kajian lapangan. Kajian lapangan melibatkan temu bual bersama dengan ahli-ahli Tarekat Syadziliyah di Kedah. Selain itu, kajian kepustakaan juga telah dijalankan bagi menganalisis gerakan dalam zikir terhadap Tarekat Syadziliyah menurut perspektif Islam. Dapatan kajian mendapati bahawa amalan gerakan dalam zikir terhadap Tarekat Syadziliyah masih boleh diamalkan, iaitu dengan syarat mestilah berpandukan kepada guru Tarekat yang betul dan guru Tarekat yang memiliki sanad salasilah Tarekat Syadziliyah yang sebenar serta sehingga sampai kepada sanad salasilah pengasas Tarekat ini, iaitu Syeikh Abu Hasan As-Syazili. Hal ini agar tidak tersesat ke arah jalan yang tidak benar serta terpesong dari sudut akidah dan hukum Islam berkaitan gerakan dalam zikir terhadap Tarekat Syadziliyah.

**AN ANALYSIS ON THE MOTION OF TAREKAT SYADZILIJAH ZIKR IN
SUNGAI PETANI, KEDAH ACCORDING TO THE ISLAMIC THOUGHT
PERSPECTIVE**

ABSTRACT

Studies and research on movement in zikir against tarekat are constantly associated with Tarekat Sufi. This is often a question among Muslims; whether it is permitted or vice versa. Therefore, this study aims to examine the concept of movement in zikir in Tarekat Syadziliyah. The scope of the study location is around Kedah, where five informants have been interviewed to obtain findings. The methodology of this research is in the form of analysis of the movement in the Tarekat Syadziliyah zikir in Sungai Petani, Kedah, which was observed in terms of Islamic beliefs and laws. To acquire the intention, two methods of data collection were applied, namely library studies and field studies. Field studies involved interviews with members of Tarekat Syadziliyah in Kedah. In addition, library studies was also conducted to analyze the movement in zikir against Tarekat Syadziliyah according to the view of Islam. The findings conclude that the practice of movement in zikir in Tarekat Syadziliyah can still be practiced, that is, as long as it is in line with the guidance of true Tarekat masters who possesses a true sanad salasilah of Tarekat Syadziliyah which reaches the sanad of the founder of this tarekat, Syeikh Abu Hasan al-Syazili. This is to ensure that one does not go astray from the Islamic belief and law regarding the movement in zikir against Tarekat Syadziliyah.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Zikir kepada Allah merupakan salah satu alat komunikasi antara hamba dan tuhan-Nya. Zikir kepada Allah merupakan ibadah yang bernilai, kerana zikir itu sendiri merupakan ibadah dan bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah. Dalam Islam, ada pelbagai cara dan metode bagi melakukan zikir, sesuai dengan aturan yang telah diberikan oleh guru rohani (guru tarekat), dalam pengajian tasawuf yang melibatkan tarekat, syeikh mursyid mempunyai peranan yang sangat besar untuk membimbing, mengawal dan menentukan tahap pencapaian seorang murid dalam pembinaan rohaninya, malah menurut para ahli tiada tarekat tanpa syeikh mursyid (guru tarekat) serta diantara kedua-duanya tidak dapat dipisahkan. Tidak dinafikan syeikh mursyid dengan pengertiannya sebagai guru, pengajar dan pembimbing rohani.¹ Hal ini disebabkan Rasulullah SAW tidak pernah menetapkan suatu aturan atau metode yang khusus tentang tatacara berzikir, sehingga ramai sahabat, tabi'in dan para ulama setelahnya dalam berzikir tidak terikat oleh sesuatu aturan. Rasulullah SAW hanya memberi gambaran secara umum berkenaan cara berzikir, sebab zikir sangat erat kaitannya dengan suatu hal yang berhubungan dengan dunia batin atau bersifat rohani.

Terdapat tiga jenis orang yang berzikir. Pertama, orang yang berzikir kepada Allah dengan lisannya sedangkan hatinya lalai, zikir seperti ini adalah sangat zalim, yang tidak mengetahui apa pun tentang zikirnya, dan tidak mengetahui apa pun tentang perihal yang disebutnya. Kedua, orang yang berzikir yang disertai dengan hadirnya

¹ Kertas kerja ini dikemukakan dalam perbincangan Panel Akidah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Kota Bharu pada 9/8/2004 (Isnin).

hati, zikir seperti ini adalah zikir penuh pertengahan. Jenis yang ketiga adalah orang yang berzikir kepada Allah SWT dengan hatinya dipenuhi dengan Allah, dan lisannya tidak mengucapkan apa-apa pun.²

Gerakan dalam zikir banyak dilakukan oleh kelompok sufi. Mereka melakukan gerakan dalam zikir ketika mereka sedang menjalankan sebuah *ritual* atau upacara untuk menggapai kelazatan dalam berzikir.³ Biasanya golongan sufi melakukan gerakan dalam zikir dengan diiringi oleh zikir alunan. Sejarah kepada gerakan zikir ini pertama kali dilakukan oleh seorang ulama sufi besar yang bernama Maulana Jalaludin Rumi bin Hasin al-Khattabi al-Bakri atau lebih dikenali sebagai dengan nama Jalaludin al-Rumi yang merupakan seorang penyair sufi yang lahir di Balkh, Afghanistan pada tarikh 6 Rabi'ul Awal tahun 604 Hijrah, atau pada tarikh 30 September 1207 Masihi. Jalaludin al-Rumi merupakan seorang tokoh yang pertama kali membuktikan metode pendekatan seorang hamba untuk menuju Tuhan dengan melakukan sebuah gerakan dalam zikir.⁴

Sungguh pun sedemikian, pada hakikatnya gerakan dalam zikir telah dilakukan oleh para sufi pada peringkat awal lagi, tetapi bagaimana gerakan ini dilakukan tidak begitu jelas digambarkan oleh sumber-sumber awal. Hal ini adalah kerana sumber-sumber ini lebih banyak membicarakan tentang perdebatan sama ada boleh atau tidak gerakan dalam zikir menurut syariat Islam.

Menurut Ahmad al-Ghazali, menari, berputar dan melompat, dan masing-masing gerakan tersebut memiliki fungsi sebagai simbol dari realiti spiritual.⁵

² Seyyed Hossein Nasr and William C. Chittick, *Warisan Sufi*, ed. Leonard Lewisohn (Yogyakarta: Pustaka Sufi, 2002), H. 611.

³ Syeikh Ibrahim Gajur, *Mengungkap Misteri Besar Mansur Al-Hallaj* (Jakarta: Rajawali Press, 1986, H. 165).

⁴ Idris Syah, *Jalan Sufi Reportase Dunia Ma'rifat* (Risalah Gusti, 2001, H. 1).

⁵ Mulyadi Kartanegara, *Menyelami Lubuk Tasawuf* (Jakarta: Erlangga, 2006), H. 260.

“Menari” kata Ahmad al-Ghazali merujuk kepada perputaran roh (jiwa) di seputar lingkaran benda-benda yang ada ketika menerima pengaruh dari *mukāsyafah* dan hal ini berkait dengan keadaan mental (*hal*) seorang arif.⁶ Gerakan berputar merujuk kepada berdirinya roh jiwa dengan Allah dalam kerahsiaan dan wujudnya. Akan tetapi dalam pembahasan ini, pengkaji akan membahaskan berkenaan gerakan dalam zikir Tarekat Syadziliyah.

Ketika seseorang dalam melakukan zikir terdapat sebuah adab di dalamnya, iaitu melakukan zikir penuh dalam keadaan khusyuk, dengan duduk berdiam sambil melafazkan kalimah-kalimah toyyibah kerana maksud dalam berzikir adalah mengingati Allah. Firman-Nya:

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ فِيمَا وَقَعُوا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمٰوٰتِ
وَالْاَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هٰذَا بَطْلًا سُبْحٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ۙ ۱۹۱

Bermaksud: (yaitu) orang-orang yang mengingati Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari siksa neraka."⁷

Maksud ayat ini ialah mereka yang berzikir dalam keadaan berdiri dalam solat, duduk dalam tasyahud, dan (berzikir) ketika hendak tidur.⁸ Oleh kerana itu, zikir-zikir yang telah diajarkan oleh Rasulullah SAW memiliki kedudukan dan erti penting yang tinggi dalam diri seseorang Muslim, sehingga banyak ditulis kitab dan karya tulis yang beraneka ragam tentang permasalahan ini. Namun demikian, sebagai seorang Muslim, Allah SWT memerintahkan untuk umat Islam berzikir kepada Allah, kerana zikir

⁶ *Ibid*

⁷ Surah Ali-Imran, ayat 191

⁸ Abu Ja'far al-Tabari, *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl Ay al-Qur'an*, (Cet 1: t.t Muassasah al-Risalah, 2000), J. 7, H. 474.

adalah sebahagian dari ibadah. Ibadah pula dibangunkan di atas dasar *taufīqiyah* (berdasarkan kepada dalil wahyu) dan *ittibā'* (mengikuti dan mencontohi Rasulullah) iaitu tidak menurut hawa nafsu dan kehendak hati semata-mata.

1.2 Permasalahan Kajian

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis sudah memutuskan bahawa perbuatan menari untuk berzikir dilarang mengikut syarak. Mufti Kerajaan Negeri Perlis, Prof Madya Dato' Dr Mohd Asri Zainal Abidin berkata perkara itu diputuskan dalam mesyuarat ke-29/2015 jawatankuasa berkenaan pada 24 dan 25 Ogos, tahun 2015 yang lalu. Beliau berkata, perbuatan menari bagi tujuan berzikir adalah bercanggah dengan nas-nas syarak dan tujuan pensyariaan zikir itu sendiri. Beliau memberitahu pemberita selepas merasmikan seminar Maqasid Syariah peringkat kebangsaan di Dewan Warisan di sini hari ini. Menari untuk berzikir tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW dan generasi *al-Salaf al-Soleh*. Tambah beliau, zikir hendaklah dilakukan dalam keadaan khusyuk dan tenang. "Nas-nas yang cuba digunakan bagi membolehkan perbuatan itu seperti takwilan dalam ayat 191 surah Ali Imran, kisah Jaafar, peristiwa tarian Habsyah, *tamayul* oleh beberapa sahabat Nabi Muhammad SAW dan lain-lain telah ditafsirkan secara salah," katanya. Mohd Asri berkata, riwayat tersebut pula tidak sahih dan pendalilan dibuat di luar konteks. Beliau bagaimanapun berkata, zikir dalam segala keadaan yang diizinkan oleh syarak seperti semasa bekerja, memandu, bersukan dan seumpamanya dibolehkan dan terpuji.⁹

Di samping itu juga, bekas Mufti Wilayah Persekutuan, Sahibus Samahah Datuk Dr Zulkifli Al-Bakri pernah berkata, syariat Islam tidak menyebut secara jelas

⁹ <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2015/10/92266/menari-untuk-berzikir-dilarang-syarak-mufti-perlis>. Akses pada 27 Oktober 2015.

dan terang tentang kebolehan tarian ketika berzikir baik dalam al-Quran mahupun Hadis. Hal itu juga belum pernah dilakukan oleh mana-mana Rasul dan Nabi. Walaupun demikian ada juga mereka yang mengikut jejak langkah Rasulullah di kalangan sahabat. Atas asas inilah alangkah baiknya umat Islam berpada dengan berzikir bersungguh-sungguh seperti mana yang dilakukan dalam kalangan khalayak masyarakat ketika ini dengan menjaga adab dan tatasusilanya. Menurut beliau lagi, tarian zikir yang dilakukan oleh sebahagian manusia penuh dengan keadaan yang kurang baik. Sementelahan lagi, ia membawa kepada *tasyabbuh* (penyerupaan) kepada penganut agama lain atau wanita dan kanak-kanak kecil begitu juga mencampur adukkan antara maksiat dan ibadat. Lebih dibimbangi lagi, sudah ada unsur muzik yang dimasukkan sama yang banyak melalaikan hati ketika berzikir.¹⁰

Sebaliknya, amalan zikir sambil berdiri, berlari, duduk atau menggoyangkan badan tidak bercanggah dengan hukum Islam bahkan lebih baik daripada menari di khalayak. Mufti Pahang Datuk Seri Dr Abdul Rahman Osman berkata, Jabatan Agama Islam Pahang sudah melakukan siasatan dan mendapati tidak ada asas untuk menuduh aktiviti beberapa Jemaah lelaki dan wanita di sebuah kampung di Ulu Tembeling Jerantut, itu sebagai sesat. JAIP sudah buat kajian tiada unsur-unsur syirik dalam pengamalan zikir seperti didakwa. Mereka hanya zikir Lailahailallah sahaja. Menyebut nama Allah. Apa yang menjadikannya viral adalah jarang melihat zikir sambil menggoyangkan badan. Sebenarnya berzikir ini boleh duduk, baring, berlari tiada masalah sebenarnya, ujarnya. Contoh orang yang beriadah, sambil beriadah dia

¹⁰ Bayan Linnas, *Penjelasan berhubung hukum zikir menari*, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2015, <http://www.muftiwp.gov.my>. Akses pada 19 April 2015.

berzikir tidak salah. Kajian dibuat tidak menyalahi syarak dan tidak boleh dikatakan dia sesat.¹¹

Sehubungan dengan permasalahan ini juga, bekas Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Profesor Emeritus Tan Sri Abd Shukor Husin berkata secara asasnya tiada larangan terhadap perbuatan melakukan zikir sambil ‘menggoyangkan badan’. Diminta mengulas isu zikir sambil ‘menari’ yang dilakukan oleh sebuah kumpulan qasidah dan zikir yang tersebar luas di aplikasi *WhatsApp*, beliau berkata bagaimana pun zikir yang dilakukan haruslah tidak keterlaluan. Hingga ia boleh menghilangkan matlamat zikir iaitu untuk mengingat, mendekatkan dan menambah ketakwaan kepada Allah, kata beliau. Abd Shukor berkata perkara penting yang harus diambil perhatian ialah apa-apa yang dilakukan tidak bersifat keterlaluan kerana dalam agama apa-apa sahaja yang bersifat melampau batasan adalah ditolak. Beliau bercakap pada sidang media selepas mesyuarat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa.¹²

Berdasarkan kepada beberapa pernyataan di atas, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama yang berautoriti dalam negara berkenaan zikir menari yang boleh menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat awam. Malahan pandangan yang berbeza itu pula didokong oleh ulama yang hebat lagi berpengaruh dengan institusi keagamaan. Mencari titik penyelesaian pada hal ini sangat penting kerana ianya melibatkan akidah umat Islam khususnya di Malaysia. Oleh sebab itu, kajian ini harus pula melalui pemikiran syeikh tarekat. Hal ini adalah kerana di sana ada dalil dan hujahan dari mereka untuk mengatakan sama ada dibolehkan atau sebaliknya.

¹¹ <https://www.sinarharian.com.my/article/39844/EDISI/Pahang/Zikir-berdiri-goyang-badan-tidak-bercanggih-Mufti-Pahang>. Akses pada 25 Julai 2019.

¹² <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/berzikir-sambil-menggoyang-badan-tidak-dilarang-jk-fatwa-kebangsaan-58292>. Akses pada 21 April 2015.

Alasan kenapa pengkaji memilih lokasi kajian di negeri Kedah kerana terdapat markas utama di utara bagi Tarekat ini. Ianya terletak di Taman Semarak, Sungai Petani Kedah yang telah dipimpin oleh Ustaz Mansor iaitu Mursyid Tarekat Syadziliyah. Penyebaran Tarekat ini juga banyak berlaku di bahagian utara Malaysia seperti di Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Selain itu, terdapat seorang ulama tua iaitu Syeikh Hassan Bangkok yang berpegang kepada Tarekat Syadziliyah dan mursyid kepada Tarekat ini. Beliau berasal dari Thailand dan pernah menjadi mufti Bangkok yang kemudiannya menetap di Gurun, Kedah. Beliau bersama dengan anaknya meneruskan usaha dakwah dan tarbiyah ruhaniyah kepada penduduk sekitar. Amalan Tarekat Syadziliyah ini beliau mengambilnya daripada seorang gurunya yang berbangsa Arab iaitu Syeikh Khalid al-Baaqi al-Syadzili ketika di Bangkok.¹³ Oleh yang demikian, pengkaji akan menemu bual Syeikh-syeikh dan ahli-ahli mereka untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian ini.

Justifikasi pengkaji memilih Tarekat Syadziliyah adalah kerana pengasas Tarekat ini iaitu Syeikh Abu Hasan al-Syadzili meninggalkan beberapa zikir hizb yang menjadi warisan kerohaniannya serta dibaca oleh murid-murid Tarekat Syadziliyah di seluruh dunia. Legasi Tarekatnya tergambar dalam kitab *al-Hikam* yang dikarang oleh Syeikh Ibnu Atha'illah sehingga diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa, termasuklah bahasa Melayu. Zikir hizb *al-bahr* merupakan zikir yang sering diamalkan oleh masyarakat Melayu di Malaysia.

¹³ Mohd Faizal Harun, *Tasawuf Dan Tarekat Sejarah Perkembangan Dan Alirannya di Malaysia* (Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2015) Hal 238

1.3 Sorotan Literatur

Melalui tinjauan yang dilakukan pengkaji, didapati tiada kajian berkenaan zikir menari yang melibatkan Tarekat atau kajian berkenaan Tarekat yang melibatkan zikir menari sebagai perbincangan. Namun begitu, terdapat pengkaji-pengkaji yang melakukan kajian berkenaan zikir seperti yang dikaji oleh Muhammad Ray Akbar yang berjudul “Pembentukan Akhlaq Mulia Menerusi Kaedah Zikrullah”: Kajian Kes Majlis Zikir Al-Amin Di Indonesia.¹⁴ Dalam tesis Phd ini, penulis membahaskan kajian yang dilakukan secara meluas dan mendalam di Majlis Zikir Al-Amin di Indonesia yang telah berjaya memperbaiki akhlak jemaahnya menjadi mulia menerusi kaedah zikir. Hasil penyelidikan memperlihatkan bahawa Majlis Zikir Al-Amin dalam melaksanakan proses pembentukan akhlak manusia adalah bertumpu kepada latihan diri dan jiwa, sama ada dengan banyak beribadah mahupun dengan membiasakan kehidupan berakhlak mulia, seumpama bersabar, jujur dan kasih sayang.

Pengarang tesis ini juga mengupas keberkesanan kaedah zikrullah yang dilaksanakan oleh Majlis Zikir Al-Amin. Kejayaan ini juga dibuktikan dengan ramainya testimoni dan pengakuan serta penghargaan yang diberikan kepada mereka oleh pelbagai pihak, sama ada dari masyarakat, tokoh agama mahupun dari badan-badan di dalam negara dan di luar negara. Lokasi kajian penulis tesis ini ialah di Indonesia.

Selain itu, terdapat kajian melalui penulisan tesis sarjana oleh Mustafa Kamil bin Hj. Ramli yang berjudul “Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyah Tanjung Pauh,

¹⁴ Muhammad Ray Akbar, “*Pembentukan Akhlaq Mulia Menerusi Kaedah Zikrullah*” (Tesis Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 2006). Tidak diterbitkan.

Jitra, Kedah : Satu kaedah *Tazkiyat Al-Nafs*”.¹⁵ Tumpuan kajian ialah tentang konsep Murid, Syeikh dan salasilahnya, ajaran- ajaran dasar serta perjalanan dan amalan-amalannya. Tarekat ini memberi pendekatan kepada umat Islam dalam usaha mereka melaksanakan *tazkiyah al-nafs*. Mekanisme yang diamalkan dalam tarekat ini bagi menyucikan *al-nafs* dalam proses tazkiyah ialah melalui zikir mengikut maqam-maqam yang tertentu. Pengarang juga mengupas tentang keberkesanan amalan-amalan yang dipraktikkan seperti zikir, program suluk, majlis ilmu, tawasul dan lain-lain. Lokasi kajian yang dilakukan pengarang ialah di Kedah.

Di samping itu, terdapat kajian tesis sarjana daripada Mohd Miqdad Aswad bin Ahmad yang berjudul “Analisis pemikiran Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi terhadap Tasawuf dalam kitab *Tanwīr al-Qulūb Fī Mua’malati Alami al-Ghuyūb*”.¹⁶ Penulis membincangkan tentang persoalan yang dibangkitkan sehingga menjadi isu oleh masyarakat disebabkan dengan kekeliruan pemahaman tentang konsep zikir, konsep khalwat, konsep adab murid dan guru, konsep guru dalam tasawuf dan konsep nafsu yang memerlukan analisis dan penjelasan semula dari ulama tasawuf. Dalam menyelesaikan persoalan yang timbul, Syeikh Amin al- Kurdi dilihat merupakan salah seorang ulama tasawuf yang berperanan membantu umat Islam menjawab persoalan dan menetapkan asas pegangan tasawuf kepada masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk melihat sumbangan beliau terhadap perkembangan pemikiran tasawuf.

Seterusnya, terdapat juga kajian ilmiah yang membicarakan tentang zikir yang dikaji oleh Syed Abdurahman bin Haji Syed Hussin. Kajian yang berjudul

¹⁵ Mustafa Kamil Ramli, “*Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah Tanjung Pauh, Jitra, Kedah*” (Tesis Sarjana, Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia, 2000). Tidak diterbitkan.

¹⁶ Mohd Miqdad Aswad Ahmad, “*Analisis Pemikiran Syeikh Muhammad Amin Al- Kurdi Terhadap Tasawuf*” (Tesis Sarjana, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 2014). Tidak diterbitkan.

Kepentingan zikir dalam mendidik rohani dan jasmani pendakwah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kajian menumpukan kepada kewajipan pendakwah untuk memastikan agar hati dan lidahnya tidak berhenti dari mengingati Allah dalam setiap detik, kerana zikir bagi hati manusia umpama udara bagi badan. Sekiranya seseorang boleh beranggapan bahawa tubuh manusia boleh hidup tanpa udara, maka adalah juga benar kalau beliau mengatakan hati manusia boleh hidup tanpa mengingati Allah. Mengingati Allah bagi pendakwah ibarat bahtera penyelamat dari tenggelam dalam lautan keraguan, perasaan was-was, keluh-kesah dan seluruh penyakit jiwa.¹⁷

Selain itu, terdapat juga kajian ilmiah yang dikaji oleh Masuriyati Yahya dan Che Zarrina Sa'ari. Kajian berjudul Sistem pendidikan negara abad ke-21 Brunei Darussalam dalam melestarikan ketamadunan Islam negara zikir: cabaran dan harapan. Kajian ilmiah ini membicarakan tentang sistem pendidikan berperanan penting dalam menyumbang pembangunan dan melestarikan ketamadunan bangsa sesebuah negara dengan mengambil kira kepentingan aspek mental dan fizikal serta aspek rohani dan spiritual. Artikel ini menghuraikan sistem pendidikan negara abad ke-21 dalam melestarikan ketamadunan Islam negara zikir. Seterusnya, akan memberi kesan dalam menangani permasalahan globalisasi yang antaranya memberi impak kepada pemikiran dan pembentukan akhlak individu pelajar Islam di negara Brunei Darussalam.¹⁸

¹⁷Syed Abdurahman Syed Hussin, "Kepentingan Zikir Dalam Mendidik Rohani Dan Jasmani Pendakwah," *Jurnal Usuluddin* 8, no. 11 (1998): 135–44..

¹⁸ Masuriyati Yahya and Che Zarrina Sa'ari, "Sistem Pendidikan Negara Abad Ke 21 Brunei Darussalam Dalam Melestari Ketamadunan Islam Negara Zikir: Cabaran Dan Harapan," *Afkar* 16, no. Januari-Jun (2015): 61–92.

Sebuah buku karangan Jahid Sidek mengupas berkenaan Syeikh Tarekat dengan jelas dan terperinci. Buku ini bertajuk “Syeikh dalam ilmu Tarekat”. Dalam buku ini pengkaji mendapati penyusun mengupas sejarah ilmu tarekat dengan sangat meluas tentang perkembangan berkenaan sejarah ilmu tarekat. Selain itu konsep Syeikh dalam ilmu tarekat juga dibincangkan secara ilmiah di dalam buku ini.¹⁹

Terdapat juga buku karangan Burhanuddin Hilmy yang berjudul “Simposium Tasawuf dan Tarekat” dan diterbitkan oleh Jabatan Mufti Negeri Sembilan. Pengarang menjelaskan perjalanan tasawuf dari abad ke abad. Secara tidak langsung apabila melibatkan ilmu tasawuf ianya berkaitan ilmu tarekat. Jadi, kedua-ke dua buku ini membantu penulis untuk mendapatkan maklumat berkenaan Tarekat.

Kesimpulan daripada pemerhatian pengkaji pada kajian-kajian terdahulu, pengkaji mendapati pada kajian-kajian lepas ada yang mengupas secara ringkas berkenaan gerakan dalam zikir tetapi tidak dikhususkan gerakan dalam zikir Tarekat Syadzilyah seperti yang ingin dikaji oleh pengkaji. Pengkaji ingin mengkaji dengan lebih mendalam lagi tentang gerakan dalam zikir tarekat syadzilyah khususnya di Sungai Petani kerana ianya sebagai tempat lokasi utama yang ingin dikunjungi oleh pengkaji dalam menjalankan kajian. Kajian lapangan akan dijalankan oleh pengkaji bersama-sama dengan informan bagi mendapatkan hasil dapatan kajian tentang gerakan dalam zikir tarekat syadzilyah dengan lebih jelas.

1.4 Skop dan Limitasi Kajian

Skop kajian adalah merujuk kepada apa yang ingin dikaji dan batas kajian pula menerangkan secara eksplisit perkara-perkara yang tidak dikaji. Bagi memastikan

¹⁹ Jahid Sidek, *Shaikh Dalam Ilmu Tariqah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997).

kajian ini dapat dilaksanakan dengan baik dan jelas, maka perlu diperjelaskan skop dan batasan kajian.

Pengkaji hanya akan mengkaji amalan gerakan dalam zikir yang terdapat dalam Tarekat. Kajian ini lebih dikhususkan kepada Syeikh Tarekat Syadziliyah yang terdapat di Kedah. Amalan-amalan atau gaya hidup ahli Tarekat akan dianalisis daripada perspektif tasawuf. Amalan-amalan atau konsep gaya hidup tersebut akan dinilai statusnya sama ada mengikut syariat yang dikehendaki oleh tuntutan agama atau sebaliknya.

Pengkaji memilih lokasi kajian di Sungai Petani, Kedah kerana terdapat markas di utara bagi Tarekat ini. Ianya terletak di Taman Semarak, Sungai Petani Kedah yang telah dipimpin oleh Ustaz Mansor iaitu Mursyid Tarekat Syadziliyah. Penyebaran Tarekat ini juga banyak berlaku di bahagian utara Malaysia seperti di Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Selain itu, terdapat seorang ulama tua iaitu Syeikh Hassan Bangkok yang berpegang kepada Tarekat Syadziliyah dan mursyid kepada Tarekat ini. Beliau berasal dari Thailand dan pernah menjadi mufti Bangkok yang kemudiannya menetap di Gurun, Kedah. Beliau bersama dengan anaknya meneruskan usaha dakwah dan tarbiyah ruhaniyah kepada penduduk sekitar. Amalan Tarekat Syadziliyah ini beliau mengambilnya daripada seorang gurunya yang berbangsa Arab iaitu Syeikh Khalid al-Baaqi al-Syadzili ketika di Bangkok.²⁰ Oleh yang demikian, pengkaji akan menemu bual Syeikh-syeikh dan ahli-ahli mereka untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian ini.

²⁰ Mohd Faizal Harun, *Tasawuf Dan Tarekat Sejarah Perkembangan Dan Alirannya di Malaysia* (Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2015) Hal 238

Justifikasi pengkaji memilih Tarekat Syadziliyah adalah kerana pengasas Tarekat ini iaitu Syeikh Abu Hasan al-Syadzili meninggalkan beberapa zikir *Hizb* yang menjadi warisan kerohaniannya serta dibaca oleh murid-murid Tarekat Syadziliyah di seluruh dunia. Legasi Tarekatnya tergambar dalam kitab *al-Hikam* yang dikarang oleh Syeikh Ibnu Atha'illah sehingga diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa, termasuklah bahasa Melayu. Zikir hizb *al-bahr* merupakan zikir yang sering diamalkan oleh masyarakat Melayu di Malaysia.

Penyebaran Tarekat ini di Malaysia dikenal pasti sejak zaman Tokku Pulau Manis lagi atau namanya yang sebenar ialah Haji Abdul Malik bin Abdullah. Perkara ini berdasarkan kitab *Syarah al-Hikam* yang diterjemahkan oleh Tokku Pulau Manis yang merupakan kitab terjemahan Melayu hasil karangan Syeikh Ibnu Atha'illah al-Askandari, ulama besar sufi dari Tarekat Syadziliyah menetap di Mesir. Hal ini dibuktikan dengan kata mukadimahnyanya bahawa penterjemah kitab *al-Hikam* ke dalam bahasa Melayu ini adalah atas permintaan para sahabat Melayunya yang kurang mahir dalam bahasa Arab dan teramat penting dalam menempuh jalan tasawuf khususnya jalan Syadziliyah.²¹

Definisi zikir menurut Jamaluddin Muhammad Ibn Manzur, dalam *Lisān al-'Arab* bahawa zikir berasal dari *dhakara, yadhkuru, dhikran* bererti *al-tazkīr* iaitu mengingat. Dalam kamus *Al-Munjid fī Lughah wa al- A'lam*, disebutkan *al-zikhra* bererti *al-Sayt* memberi makna mengenal. Dari sumber- sumber ini terlihat jelas bahawa erti zikir dilihat dari segi bahasa ialah mengingat, menyebut nama sesuatu yang dalam hal ini apabila disambungkan dengan kalimah zikrullah maka ia bererti menyebut atau mengingat nama Allah. Dari sudut istilah, al-Ghazali dalam kitabnya

²¹ *Ibid*

Ihyā Ulūm al-Dīn, menulis mengenai zikrullah iaitu zikir adalah pembebasan manusia dari suatu dosa, bebas dari akhlak yang tercela dan sentiasa memperoleh keampunan dari Allah SWT.²²

Definisi tarekat menurut etimologi berasal dari kata dasar *ṭaraqa*, *yaṭruqu* atau *ṭarīqa*, *yaṭraqu* ia memberi pelbagai makna berlainan berdasarkan perbezaan bentuk *wazan* dalam ilmu sorof. Dari sudut bahasa ertinya jalan, cara, garis, kedudukan, keyakinan dan agama.²³

Adapun tarekat menurut istilah ulama tasawuf atau perspektif tasawuf iaitu jalan kepada Allah dengan mengamalkan ilmu tauhid, fekah dan tasawuf. Dan juga cara atau *kaifiat* mengerjakan sesuatu amalan untuk mencapai sesuatu tujuan.²⁴

Berdasarkan tajuk yang telah dipilih maka, pengkaji akan memilih beberapa lokasi untuk menjalankan sesi temu bual berkenaan Tarekat. Pengkaji akan menemui Syeikh-syeikh Tarekat secara rasmi serta para ulama yang boleh memantapkan lagi kajian ini. Begitu juga guru-guru agama di sekitar negeri Kedah. Sumbangan mereka adalah amat perlu bagi memberi pandangan serta penilaian terhadap perjalanan ajaran tarekat sufi di Malaysia masa kini. Malahan ulama sewajarnya menjadi pelindung kepada setiap ajaran Islam yang benar dan menjadi pembela kebenaran serta menjadi penggerak sosial yang berjaya dalam membanteras sesuatu ajaran sesat jika sudah ternyata bertentangan dengan ajaran Islam sebenar.

²² Muhammad Ray Akbar, "*Pembentukan Akhlaq Mulia Menerusi Kaedah Zikrullah*." (Tesis Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Tidak diterbitkan. 2006.

²³ Mohd Rodhi Mohd Yusof, "*Tarekat Naqsyabandiyah Al- Khalidiyah Di Malaysia*" (Tesis Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Tidak diterbitkan., 2003).

²⁴ Mohd Faizal Harun, *Tasawuf Dan Tarekat Sejarah Perkembangan Dan Alirannya Di Malaysia* (Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2015).

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mencapai objektif yang berikut:

1. Menyelidik konsep gerakan dalam zikir menurut perspektif pemikiran Islam.
2. Mengkaji sejarah perkembangan Tarekat Syadziliyyah.
3. Menganalisis gerakan dalam zikir Tarekat Syadziliyyah di Sungai Petani, Kedah dari sudut perspektif pemikiran Islam

1.6 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan kajian yang dapat disumbangkan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Hasil kajian dapat membantu masyarakat Islam mengetahui dan memahami konsep gerakan dalam zikir menurut Syeikh Tarekat.
2. Kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada ahli Tarekat sendiri berkenaan konsep gerakan dalam zikir bagi menjalani kehidupan sebagai umat Nabi Muhammad SAW.
3. Kajian ini dapat memberi sumbangan kepada umat Islam khususnya penggiat aktiviti-aktiviti keagamaan.

1.7 Metodologi Kajian

Metodologi ialah gabungan antara dua perkataan Yunani iaitu "*methodos*" yang bermaksud cara atau jalan dan "*logos*" bererti ilmu. Hasil gabungan daripada dua perkataan ini membawa pengertian bahawa metodologi ialah cara atau jalan bagi

memahami sesuatu perkara yang berkaitan dengan ilmu yang hendak dikaji.²⁵ Kenneth D. Bailey mendefinisikan metodologi ialah falsafah kepada proses penyelidikan dan kriteria yang digunakan oleh penyelidik untuk mentafsirkan data dan membuat kesimpulan.²⁶ Manakala Imam Barnadib pula menjelaskan metodologi sebagai ilmu tentang menjalankan penelitian. Dengan kata lain, metodologi ialah ilmu tentang cara atau kaedah yang digunakan untuk melakukan sesuatu kajian atau penyelidikan.²⁷

Penyelidikan pula menurut Tuckman seperti mana dinukilkan dalam Sidek Mohd Noah, menjelaskan ia sebagai satu usaha yang sistematik untuk mendapat jawapan kepada sesuatu masalah.²⁸ Penyelidikan juga bermaksud sesuatu yang dijalankan sama ada untuk mengetahui apa yang sedang berlaku bagi menambahkan pengetahuan.²⁹ Oleh itu, penyelidikan ialah tata cara yang digunakan secara sistematik untuk mengetahui sesuatu masalah yang dikaji untuk menambah ilmu pengetahuan. Kesimpulannya, metodologi penyelidikan ialah kaedah yang sistematik dalam proses mengumpul data atau maklumat untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dikaji sebagai menambah ilmu pengetahuan dalam bidang penyelidikan. Secara umumnya dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji menggunakan Metode Pengumpulan Data dan Metode Analisis Data.

1.7.1 Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data ialah kaedah mengumpul maklumat secara terperinci yang diketahui atau telah dikumpulkan mengenai sesuatu dan seterusnya

²⁵ Koentjaraningrat, 1977, *Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: PT Gramedia

²⁶ Bailey Kenneth, 1982, *Kaedah Penyelidikan Sosial*, terjemahan Hashim Awang, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

²⁷ Imam Barnadib, 1982, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan FIK-IKIP

²⁸ Sidek Mohd Noah, 2000, *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktis*, Serdang: UPM

²⁹ Mohd Syafie Abu Bakar, 1991, *Metadologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan Edisi Kedua*, Bangi: UKM

dijadikan asas untuk membuat kajian secara analisis atau kesimpulan. Dalam usaha mengumpul data yang diperlukan, pengkaji menggabungkan beberapa metode dengan melakukan dua bentuk penyelidikan utama iaitu Kajian Kepustakaan dan Kajian Lapangan.

1.7.1(a) Kaedah Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan merupakan kaedah yang utama di dalam membuat disertasi ini melalui pengumpulan dan pengkajian bahan-bahan yang diperoleh. Penulis akan mengumpulkan sebanyak mungkin maklumat dan fakta yang berkaitan dengan konsep gerakan dalam zikir berlandaskan syariah dan disertakan juga amalan segolongan masyarakat yang dikenali sebagai Tarekat. Pengkaji juga membuat pembacaan hasil daripada kajian ilmiah yang telah ditulis oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu bagi penulisan disertasi ini.

Pengkaji telah mengunjungi beberapa buah perpustakaan untuk mengumpul bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Bahan-bahan yang diperoleh pengkaji adalah seperti buku-buku ilmiah, jurnal, majalah, kertas-kertas seminar, akhbar dan lain-lain. Antara perpustakaan yang dikunjungi oleh pengkaji untuk mendapatkan sumber rujukan dan fakta ialah :

- i. Perpustakaan Hamzah Sendut, USM Pulau Pinang.
- ii. Pusat Sumber, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM Pulau Pinang.
- iii. Perpustakaan Universiti Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniShams) Kuala Ketil, Kedah.
- iv. Perpustakaan Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok, Kedah.
- v. Perpustakaan Awam Negeri Kedah dan Pulau Pinang.

1.7.1(b) Kaedah Kajian Lapangan

Dalam penyelidikan ini, kajian lapangan banyak digunakan bagi melengkapkan data perpustakaan, selain membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang baru. Ini adalah kerana tidak semua maklumat boleh didapati di perpustakaan. Dalam konteks ini, apa yang dihadapi adalah suasana dan situasi penghayatan dan pengamalan yang dipanggil pendekatan empirikal.³⁰ Kaedah ini akan menuntut pengkaji untuk turut sama mendekati dan memerhati fenomena yang dikaji. Hal ini bertepatan dengan pendapat Sulaiman yang menyatakan bahawa kajian lapangan merupakan kajian yang membolehkan pengkaji untuk mendekati sesebuah masalah kajian atau fenomena dengan jelas bertujuan untuk mengetahui permasalahan sebenar tentang fenomena yang dikaji. Kaedah ini juga sangat sesuai dijalankan bagi penyelidik yang mengkaji sesuatu fenomena yang belum dikaji oleh pengkaji-pengkaji lain.³¹

Untuk menjayakan kajian ini, pengkaji akan mengunjungi tempat-tempat pengajian agama bagi mendekati ahli Tarekat. Pengkaji akan menemu bual ahli-ahli Tarekat dan ketua-ketua mereka. Dengan cara ini pengkaji akan mengumpul semua data dari hasil tinjauan secara temu bual dan soal selidik bertulis sebagai bahan untuk dirumuskan menjadi sebuah jawapan kepada permasalahan kajian.

1.7.1(c) Metode Temu Bual

Metode temu bual dalam kajian ini merupakan data primer dan dianggap sebagai data utama. Keputusan untuk menggunakan temu bual sebagai mod utama

³⁰ H. Syahin Harahap, 2001, *Metodologi Studi dan Penelitian Ilmu- ilmu Ushuluddin*, Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, H. 7.

³¹ *Ibid*

pengumpulan data berasaskan kepada jenis maklumat yang diperlukan merupakan cara yang terbaik untuk mendapatkan maklumat.³² Temu bual dilakukan untuk memperoleh maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya yang diperlukan untuk mencapai objektif pengkajian berkaitan amalan gerakan dalam zikir khususnya bagi Tarekat Syadziliyah di Sungai Petani Kedah. Metode ini secara jelas menghendaki kedua-dua pihak, pengkaji dan subjek berinteraksi secara langsung dan aktif.³³ Temu bual telah dilakukan daripada 21 Januari 2018 sehingga 12 Februari 2018 dan mengambil masa lebih kurang satu hingga dua jam bagi setiap informan. Adapun metode temu bual yang pengkaji lakukan dalam penyelidikan ini ialah temu bual berstruktur dan tidak berstruktur di mana pengkaji mengunjungi tempat kajian utama, iaitu lokasinya terletak di Sungai Petani, Kedah kerana terdapat markas di utara bagi Tarekat ini. Ianya terletak di Taman Semarak, Sungai Petani, Kedah yang telah dipimpin oleh Ustaz Mansor iaitu Mursyid Tarekat Syadziliyah. Dan penyebaran Tarekat ini juga banyak berlaku di bahagian utara Malaysia seperti di Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Tempat- tempat kajian lain yang telah pengkaji kunjungi ialah di Kuala Nerang, Pendang dan di Merbok, akan tetapi pengkaji hanya menemu bual informan sahaja di Kuala Nerang dan di Merbok tidak bersama-sama dengan mereka berada bersama di dalam majlis gerakan dalam zikir, manakala di Taman Semarak, Sungai Petani iaitu tempat lokasi utama, pengkaji dapat bersama-sama dengan informan berada di dalam majlis gerakan dalam zikir bagi mendapatkan gambaran dengan lebih jelas berkaitan dengan penyelidikan yang ingin dikaji oleh pengkaji.

³² Othman Lebar. (2009) *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Malaysia: Penerbit Pendidikan Sultan Idris

³³ Mohd Majid Konting (1998), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, H. 237.

1.7.2 Metode Analisis Data

Metode analisis data ialah satu cara yang berhasil bagi menyimpul persoalan-persoalan yang diajukan dalam penelitian.³⁴ Dalam erti kata lain, setelah data-data dan maklumat dianalisis dan diterjemahkan atau dihuraikan mengikut kefahaman pengkaji sebelum membuat keputusan.

Dalam menganalisis data, pengkaji secara umumnya menggunakan metode analisis deskriptif kualitatif (menilai mutu dan kesusahan). Di dalam menganalisis data maklumat yang diperoleh, pengkaji menggunakan beberapa kaedah :

1.7.2(a) Kaedah Induktif

Metode induktif ialah pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.³⁵ Oleh itu penggunaan metode ini adalah bagi menghuraikan data-data yang bersifat khusus kepada kesimpulan yang bersifat umum. Metode induktif ini terdapat pada bab kedua untuk mengetahui budaya dan ciri-cirinya. Begitu juga tentang konsep zikir menari dan aspek-aspeknya.

1.7.2(b) Kaedah Deduktif

Metode deduktif bermaksud cara menganalisis data dan melakukan penulisan yang berdasarkan kepada pola berfikir mencari pembuktian dengan berpandukan kepada dalil yang umum terhadap hal-hal yang khusus. Penggunaan metode ini membantu pengkaji menganalisis data dan maklumat fenomena yang dikaji bagi mengaplikasikan teori dalam menyelesaikan masalah kajian. Perselisihan pendapat

³⁴ Hajah Noresah Baharom, 2005, *Kamus Dewan, edisi keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

³⁵ Mohd Michael Abdullah, 1995, *Pemikiran Kritis*, Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka

para ulama mengenai konsep zikir menari dan pandangan ulama-ulama yang terlibat dengan tarekat juga turut dinyatakan menerusi kaedah ini.

BAB 2

KONSEP GERAKAN DALAM ZIKIR MENURUT PERSPEKTIF

PEMIKIRAN ISLAM

2.1 Pengenalan

Bab dua ini menjelaskan dengan terperinci berkaitan konsep zikir dan gerakan dalam zikir menurut perspektif Islam. Justeru itu, bab ini membincangkan berkaitan ibadah zikir dari sudut pengertian zikir, jenis-jenis zikir dan adab-adab berzikir.

2.2 Pengertian Zikir

Menurut M. Quraish Shihab, zikir dalam pengertian yang luas adalah kesedaran tentang kehadiran Allah di mana- mana sahaja, serta kesedaran akan kebersamaanNya dengan makhluk hidup, kebersamaan dalam erti pengetahuanNya terhadap segala yang berada di semesta alam ini serta bantuan dan pembelaanNya terhadap hamba- hambaNya yang taat.¹

Dari sudut pengertian zikir, pengkaji akan membahaskannya dari sudut bahasa dan istilah seperti berikut:

2.2.1 Dari Sudut Bahasa

Menurut Faris bin Zakaria, zikir memiliki maksud asal iaitu mengingat sesuatu ataupun antonim dari lupa, kemudian **ذکر** dimaksudkan dengan mengingat dengan lisan atau lidah. Selain itu, zikir juga dapat dianalogikan dengan kedudukan tinggi atau keluhuran, kehormatan atau kemuliaan. Berkata Ibrahim Mustafa dalam tulisannya *al-*

¹ M.Quraish Shihab, Wawasan Al-Quran tentang zikir dan doa, (Ciputat: Lentera hati, 2006, H 14.

Mu'jam al-Wasīt, zikir maksudnya adalah memelihara ataupun menjaga, menghadirkan, nama baik dan mengatakan sesuatu dari lisan setelah melupakannya.²

Kata zikir berasal dari Bahasa Arab, ianya merupakan *masdar* secara etimologi dari kata kerja **ذَكَرَ**. Ibn Manzur menjelaskan maknanya dengan maksud mengingat ataupun menjaga sesuatu dengan menyebut, serta menurut pandangan Ibn Ishak pula ialah mengambil pelajaran. Zikir juga bermaksud kemuliaan atau kehormatan, nama baik, doa dan pujian kepada-Nya, solat dan al-Kitab yang isinya menerangkan tentang agama Islam.³

2.2.2 Dari Sudut Istilah

Ibn Qayyim al-Jauziyah (m.751H), dalam karangannya *al-Wabil al-Sayyib min al-Kalām al-Ṭayyib* menyatakan bahawa zikir ialah sebagai alat yang menghidupkan hati. Beliau merujuk kepada istilah yang disampaikan oleh gurunya Ibn Taimiyyah yang mengatakan hubungan zikir dengan hati ibarat hubungan air dengan ikan, bagaimanakah halnya apabila jika seekor ikan terasing dari air.⁴

2.2.3 Konsep Zikir dari Pandangan Ulama Tafsir

Pengkajian berkaitan keutamaan zikir menurut ahli tafsir didapati dari sumber al-Quran dan hadis Rasulullah SAW kerana ia melibatkan ibadah yang diamalkan oleh umat Islam. Oleh yang demikian, bagi mendapatkan lagi penjelasan tentang zikir, maka didatangkan pandangan ahli-ahli tafsir terhadap ayat-ayat al-Quran agar dapat

² Ibrahim Muṣṭafa, *al-Mu'jam al-Wasīt*, Juz 1 (al-Riyadh: Maktabah al-Haramain, t.t) H. 413.

³ Ibn Manzur, *Lisān al- 'Arab*, Jilid 3, (Beirut: Dar al- Ma'arif, 1990), H. 1507- 1509.

⁴ Ibn Qayyim al-Jauziyah, *al-Wabil al-Sayyib min al-Kalām al-Ṭayyib*, Beirut: Dar al Kutub al- 'Alamiyah, H. 51.

memberikan penerangan dengan lebih jelas khususnya berkaitan penafsiran ayat-ayat al-Quran.

Dalam Tafsir *al-Azhar*, zikir diertikan dengan ingat. Ingat ialah asal dari zikir, akan tetapi untuk mengingati kepada Allah SWT dalam hati serta diikrarkan ingatan itu dengan ucapan *lisan* (lidah).⁵

Al-Tabari juga mengatakan, zikir adalah suatu perintah kepada orang-orang yang yakin dan percaya wujudnya Allah SWT. Dengan sentiasa ingat kepada Allah SWT melalui lidah dengan perkataan serta seluruh anggota badan yang lain dengan perbuatan. Bahkan kesemua anggota badan manusia tidak pernah terlepas dari mengingati Allah, iaitu sama ada dalam keadaan sihat atau pun dalam keadaan sakit.⁶

Berzikir kepada Allah SWT dengan sentiasa berdoa kepada-Nya iaitu dengan penuh kepercayaan dan yakin bahawa Allah Maha Agung dari tiap- tiap sesuatu, mahupun beriktikad dengan sifat sempurna-Nya Allah SWT serta memuji nama-Nya dengan lidah sehingga dalam keadaan apa jua sekalipun tidak pernah lupa akan mengingati-Nya semata-mata untuk mendapatkan keredaan dan diampunkan dari segala dosa serta mendapat yang agung dari-Nya.⁷

Berdasarkan kepada penafsiran yang telah disebutkan oleh ahli-ahli tafsir, maka zikrullah melalui al-Quran dapat menjadikan ketenangan serta ketenteraman hati ketika manusia itu berzikir kepada Allah. Oleh yang demikian, penawar yang paling

⁵ Hamka, *Tafsir al-Azhar*, Vol 22, (Jakarta: Pustaka Panjimas, 1998), H. 53.

⁶ Abu Ja'far al-Tabari, *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl Ay al-Qur'an*, (Cet 1: t.t Muassasah al-Risalah, 2000), H. 423.

⁷ Ibrahim bin Umar bin Hasan al-Ribat bin Ali bin Abi Bakr al-Biqā'I, *Nuzam al-Durar fī Tanāsub al-Ayat wa al-Suwār* (t.d) H. 423.